KERATAN AKHBAR

JUDUL AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 1 Oktober 2026

MUKA SURAT : 8

Remaja OKU diperintah jalani pemeriksaan psikiatri

Kuala Kangsar: Mahkamah Majistret di sini, memerintahkan remaja autistik yang didakwa membunuh tanpa niat ibunya yang juga orang kurang upaya (OKU) lembam minggu lalu, dihantar ke Hospital Bahagia Ulu Kinta (HBUK) Tanjung Rambutan untuk menjalani pemeriksaan psikiatri.

Majistret, Azlin Zeti Zainal Abidin, membuat keputusan itu mengikut Seksyen 342 Kanun Tatacara Jenayah susulan tertuduh, remaja lelaki berusia 15 tahun yang juga OKU autistik serta lembam dilihat tidak memahami pertuduhan yang dibacakan jurubahasa mahkamah.

Ketika prosiding, Azlin Zeti bertanya sama ada tertuduh memahami pertuduhan terhadapnya, disusuli beberapa soalan asas seperti sama ada tertuduh sudah makan pagi, jenis makanan dimakan, serta kehadirannya ke mahkamah bersama siapa, namun sebahagiannya gagal dijawab tertuduh.


Dua beranak kena reman kes wanita OKU maut ditusuk pisau

Keratan akhbar BH 25 September lalu.

Susulan itu, pengakuan tertuduh tidak direkodkan.

Mengikut pertuduhan dibacakan, tertuduh didakwa melakukan perbuatan menyebabkan kematian ibunya, Nor Ainon Omar, 49, di sebuah rumah di Kampung Cheh, Kati, di sini jam 2.10 petang 23 September lalu.

Pertuduhan itu dibuat mengikut Seksyen 304 Kanun Keseksaan yang jika sabit kesalahan memperuntuk hukuman penjara yang boleh sampai hingga 30 tahun dan boleh juga didenda.


Remaja OKU dirujuk ke Hospital Bahagia Ulu Kinta, Tanjung Rambutan untuk menjalani pemeriksaan psikiatri. (Foto BERNAMA)

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Nur Mirza Zulaikha Mohd Fadzly, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Nur Mirza tidak menawarkan jaminan, selain meminta kepada mahkamah tarikh sebutan baharu dalam tempoh sebulan, iaitu selepas laporan psikiatri tertuduh diperoleh memandangkan tertuduh turut mempunyai rekod psikiatri.

"Memandangkan mahkamah dimaklumkan tertuduh ada rekod mental, saya tak akan merekodkan pengakuan. Mahkamah keluarkan perintah hantar (tertuduh) ke HBUK," katanya.

Akhbar pada minggu lalu melaporkan suami serta anak kepada wanita berstatus OKU lembam yang ditemukan mati dengan kesan tusukan di kediamannya di Kampung Cheh Hilir, Kati, ditahan bagi membantu siasatan.

Difahamkan, suami wanita berkenaan, 44, yang direman tujuh hari berakhir semalam dan turut hadir menemani tertuduh dalam prosiding semalam, dibebaskan dan akan dijadikan saksi pendakwaan.